

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI SATU DAN DUA SAMUEL

PERNYATAAN PENTING

Dalam 1 dan 2 Samuel, kita dapat melihat bahawa Tuhan Tritunggal serta perjasadan dan penebusan-Nya terlibat sepenuhnya dalam menghasilkan Samuel dan Daud supaya kingdom Tuhan dapat dibawa masuk; memang amat penting bagi kita melihat bahawa hari ini Tuhan Tritunggal melibatkan diri dengan kita, beroperasi dalam kita untuk menyempurnakan kehendak-Nya, menggenapkan tujuan-Nya, dan memuaskan hasrat hati-Nya.

Selain berdoa, tidak ada jalan lain untuk mencapai puncak tinggi ekonomi abadi Tuhan, iaitu realiti Tubuh Kristus; dengan menjadi pejayeng yang merupakan realiti Tubuh Kristus untuk menjadi pengantin Kristus, kita akan menamatkan zaman ini, iaitu zaman gereja, dan akan membawa Kristus sebagai Raja kemuliaan kembali untuk mengambil, memperoleh, dan memerintah atas bumi ini bersama dengan para pejayeng-Nya pada zaman kingdom.

Menerusi inkarnasi, penyaliban, dan kebangkitan-Nya, Kristus yang sudah pun merupakan Anak Tuhan, menjadi Anak Tuhan dengan cara yang baru — Anak sulung — dilantik tentu sebagai Anak Tuhan yang mempunyai keinsanan; dalam Roma 1:3-4, Kristus sebagai Anak Tuhan ialah prototaip, manakala dalam 8:29, dikbang yang banyak ialah orang yang “dihasilkan secara besar-besaran” daripada prototaip itu, dan dengan diselamatkan dalam hayat, mereka ini akan dikonform kepada imej Anak sulung.

Ekonomi Tuhan adalah untuk menggarapkan diri-Nya ke dalam kita agar kita dapat mengalami proses metabolik penghadaman dan asimilasi rohani yang menghasilkan transformasi, iaitu suatu perubahan metabolik secara beransur-ansur dan secara intrinsik dalam hayat alamiah kita dengan hayat divin; ini adalah untuk pembinaan Tubuh Kristus bagi mengkonsumasikan Yerusalem Baru.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Satu

Pemikiran Utama 1 dan 2 Samuel serta Trinitas Divin seperti yang Diwahikan dalam 1 dan 2 Samuel

Bacaan Bible: 1 Sam. 1:3, 7, 10-11, 19-24; 2:11, 35;
3:9-11, 21; 7:3-6; 8:4-22; 16:1-3, 13; 2 Sam. 23:1-3; 24:25

- I. Pemikiran utama 1 dan 2 Samuel ialah penggenapan ekonomi Tuhan memerlukan kerjasama manusia—prinsip inkarnasi:**
- A. Prinsip inkarnasi ialah Tuhan masuk ke dalam manusia dan membaurkan diri-Nya dengan manusia untuk menjadikan manusia satu dengan-Nya; dengan demikian, Tuhan berada dalam manusia dan manusia berada dalam Tuhan, mempunyai satu hayat dan satu kehidupan—Yoh. 15:4-5; Gal. 2:20.
 - B. Kita perlu mempunyai tanggapan yang mendalam terhadap hakikat bahawa penggenapan ekonomi Tuhan menuntut kerjasama kita; bekerjasama dengan Tuhan bermaksud diikat bersama dengan Tuhan—1 Kor. 6:17; Yoh. 15:4-5; 2 Kor. 6:1; 1 Kor. 3:9; 16:10, 16.
 - C. Dalam 1 dan 2 Samuel, kerjasama dengan Tuhan digambarkan dari segi positif oleh sejarah ibu Samuel (Hana), Samuel, dan Daud, dan dari segi negatif pula oleh sejarah Eli dan Saul.
 - D. Kerjasama dengan Tuhan menerusi prinsip inkarnasi berkaitan dengan kenikmatan peribadi terhadap tanah permai yang mentamsilkan Kristus almuhit yang luas tidak terbatas—Ul. 8:7-10:
 1. Satu dan 2 Samuel, sebagai lanjutan buku Yosua, Hakim-hakim, dan Rut, memberi perincian berkenaan kenikmatan terhadap tanah permai yang diberikan Tuhan.
 2. Tamsil-tamsil dalam 1 dan 2 Samuel menunjukkan kepada kita bagaimana percayawan Wasiat Baru dapat dan harus menikmati Kristus sebagai bahagian mereka yang diperuntukkan Tuhan bagi menubuhkan kingdom Tuhan, iaitu gereja—Kol. 1:12; Mat. 16:18-19; Roma 14:17:
 - a. Dalam 1 dan 2 Samuel, tanah permai yang dinikmati oleh orang yang bekerjasama dengan Tuhan telah menjadi kingdom Tuhan.
 - b. Dalam kerjasama kita dengan Tuhan, kita perlu menikmati Kristus sehinggakan kenikmatan kita terhadap Kristus menjadi kingdom Tuhan; di dalam kingdom Tuhan kita meraja dalam hayat bersama dengan Kristus—Roma 5:17; 14:17.
- II. Kita perlu melihat Trinitas Divin seperti yang diwahikan dalam 1 dan 2 Samuel:**
- A. Tujuan Tuhan untuk umat pilihan-Nya bukan sekadar menewaskan musuh dan mengambil alih sepenuhnya tanah permai, malah untuk mereka menubuhkan kingdom di tanah itu:
 1. Untuk Tuhan menggenapkan hasrat-Nya agar memperoleh satu ekspresi, Dia memerlukan kingdom, iaitu lingkungan untuk Dia diekspresikan—1 Sam. 10:25; Mat. 6:10; Luk. 1:33.
 2. Bani Israel dibawa keluar dari Mesir dan melalui gurun tandus; di sana mereka membina tabernakal untuk Tuhan; kemudian mereka memasuki tanah permai, dan setiap suku diperuntukkan satu bahagian tanah supaya Tuhan dapat memperoleh kingdom di bumi—Yos. 13:1—22:34.
 3. Satu dan 2 Samuel penting untuk membawa masuk kingdom—1 Sam. 8:4-22; 10:25; 13:14; 15:28; 16:1-3, 13.

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Satu (sambungan)

- B. Disebabkan keadaan yang menyedihkan dalam buku Hakim-hakim, maka terdapat keperluan yang penting dan terdesak untuk seseorang seperti Samuel—1 Sam. 2:35; 3:21:
1. Samuel ialah orang Nazir, hentar, penyabda, dan hakim; empat status ini melayakkan Samuel menjadi seorang yang dapat membawa masuk raja dan menubuhkan kingdom.
 2. Samuel menjadi hentar, penyabda, dan hakim bukanlah matlamat Tuhan; hasrat Tuhan ialah menubuhkan kingdom yang mempunyai seorang raja—8:7; 13:14.
- C. Satu dan 2 Samuel mewahikan bahawa pembawaan masuk raja dan penubuhan kingdom bergantung pada penglibatan Trinitas Divin dengan umat-Nya:
1. Untuk orang seperti Samuel dibangkitkan dan melaksanakan amanatnya, perlu adanya Trinitas Divin—1 Sam. 1:10-11, 20; 10:1, 6; 16:1-3.
 2. Atas sebab ini, dalam 1 dan 2 Samuel terdapat wahi yang terperinci dan teliti tentang Trinitas Divin; butir utama dalam sejarah yang tercatat dalam 1 dan 2 Samuel ialah perlu adanya Trinitas Divin—2 Sam. 22:1-3; 23:1-3; 24:25.
- D. Trinitas Divin dan tangan Tuan yang maha penentu diwahikan dalam 1 Samuel 1:
1. Di tengah-tengah keadaan porak-peranda dalam Israel yang jatuh, Elkana dan Hana kekal berada di jalan hayat yang ditetapkan Tuhan untuk tujuan abadi-Nya—ay. 1-5, 10-11, 20, 24.
 2. Setiap tahun Elkana berserta keluarganya pergi ke rumah Tuhan, iaitu tabernakal, yang pada masa itu berada di Silo, untuk menyembah dan mempersembahkan korban kepada Yehova—ay. 3, 21-24:
 - a. Dalam ayat 3-7, 10-11, 20, dan 24 korban-korban mentamsilkan Kristus sebagai segala korban persembahan; lembu jantan, tepung, dan wain menandakan Kristus yang kita alami dan bawa ke rumah Tuhan untuk dipersembahkan kepada-Nya.
 - b. Yehova ialah Aku Adalah yang agung, dan rumah Yehova ialah Kristus sebagai perjasadan Tuhan untuk menjadi tempat huni Tuhan dalam kalangan umat-Nya—ay. 10-11.
 - c. Bahagian ini terutamanya menunjukkan kepada kita rumah Tuhan sebagai perjasadan Tuhan Tritunggal dan korban-korban sebagai sarana untuk kita masuk ke dalam perjasadan Tuhan, iaitu penebusan; oleh itu, dalam ayat-ayat ini kita melihat perjasadan Tuhan dan penebusan penuh Tuhan—bd. Yoh. 1:14, 29; Luk. 1:68; 2:38; Ef. 1:7.
 3. Oleh sebab Yehova telah menutup rahim Hana, dia terpaksa mendoakan doa yang mendesak dan yang berulang-ulang membuat persembahan kepada Tuhan; Hana berdoa untuk memperoleh seorang anak lelaki yang mutlak terhadap Tuan dengan didorong oleh Tuhan menurut ketentuan-Nya dan secara tersembunyi—1 Sam. 1:5, 10-12, 15.
- E. Dalam 1 dan 2 Samuel, kita dapat melihat bahawa Tuhan Tritunggal serta perjasadan dan penebusan-Nya terlibat sepenuhnya dalam menghasilkan Samuel dan Daud supaya kingdom Tuhan dapat dibawa masuk:
1. Trinitas Divin diwahikan dalam pengurapan Daud sebagai raja—1 Sam. 16:1-3, 13:
 - a. Dalam ayat-ayat ini, kita melihat bahawa Tuhan Tritunggal ialah Yehova dan Roh Tuhan Tritunggal ialah Roh Yehova—ay. 13.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Satu (sambungan)

- b. Minyak mentamsilkan Roh Tuhan, dan anak lembu betina yang dikorbankan mentamsilkan Kristus sebagai korban persembahan; oleh itu, Trinitas Divin terlibat dalam pengurapan Daud, menjadikan dia raja atas Israel—Mzm. 89:20.
2. Kata-kata daripada kidung Daud kepada Yehova dalam 2 Samuel 22:1-3 menyebut tentang Yehova ialah batu terjal, kubu, Penyelamat, batuan, dan tempat berlindung serta tanduk penyelamatannya; dalam ayat 47, Daud mengisytiharkan, “Yehova hidup; terpujilah batuanmu, / Dan terjunjung tinggilah Tuhan, batuan penyelamatanku.”
3. Dalam 2 Samuel 23:1-3—kata-kata akhir Daud—Roh Yehova bersabda menerusinya, dan Batuan Israel berbicara dengannya—ay. 2-3:
 - a. Dalam ayat-ayat ini, Batuan itu ialah Kristus sebagai tapak bagi Tuhan memberi kurnia kepada umat-Nya.
 - b. Roh Yehova ialah Roh Tuhan Tritunggal—1 Sam. 10:6; 16:13.
 - c. Dalam ayat-ayat ini, *Tuhan* dalam bahasa Ibrani ialah *Elohim*, yang menandakan Tuhan Tritunggal.
4. Dalam 2 Samuel 24:25, korban bakaran mentamsilkan Kristus untuk kepuasan Tuhan, dan korban perdamaian mentamsilkan Kristus untuk perdamaian antara Tuhan dengan umat-Nya.

III. Keadaan kita pada masa sekarang dan keperluan Tuhan hari ini pada prinsipnya adalah sama dengan situasi dan keperluan pada zaman Samuel—1 Sam. 8:4-22:

- A. Terdapat keperluan yang mendesak untuk sesetengah orang mendoakan doa yang jayeng untuk matlamat Tuhan seperti yang dilakukan Hana, serta orang yang berkelayakan seperti Samuel—orang Nazir, hentar, penyabda, dan hakim yang terakhir—yang digunakan Tuhan untuk menamatkan keadaan yang keliru dalam kalangan umat Tuhan dan membawa masuk raja dan kingdom—2:35:
 1. Jika kita ingin berdoa untuk memenuhi keperluan Tuhan hari ini, kita memerlukan Kristus sebagai perjasadan Tuhan Tritunggal dan realiti bagi segala korban persembahan, dan kita memerlukan penggenapan bagi Khemah Pertemuan, iaitu gereja sebagai tempat huni Tuhan—Kol. 2:9-10; Ef. 2:21-22; Ibr. 8:1-2; 10:8-10.
 2. Dalam erti kata tertentu, Kristus Raja kita masih belum datang lagi, dan kita masih dalam keadaan kekeliruan, seperti pada zaman hakim-hakim—Hak. 21:25.
 3. Penggenapan kingdom Tuhan ialah kedatangan kingdom yang akan dibawa masuk oleh Tuan Yesus, namun perlu ada orang seperti Samuel yang bekerjasama dengan Trinitas Divin dengan membawa masuk kingdom—Mat. 6:33; 1 Kor. 6:17; 16:10; 2 Kor. 6:1.
 4. Kita perlu menyedari betapa besarnya keperluan untuk Trinitas Divin dalam hal mendoakan doa yang jayeng dan membawa masuk kingdom—Mat. 6:10, 13; Wahi 1:4-7; 8:3-5.
- B. Tuhan Tritunggal serta perjasadan-Nya, penebusan-Nya, dan Roh-Nya, mengkonstitusikan kita menjadi orang yang berguna untuk kedatangan-Nya dan kingdom-Nya—2 Kor. 13:14.
- C. Memang amat penting bagi kita melihat bahawa hari ini Tuhan Tritunggal melibatkan diri dengan kita, beroperasi dalam kita untuk menyempurnakan

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Satu (sambungan)

kehendak-Nya, menggenapkan tujuan-Nya, dan memuaskan hasrat hati-Nya—Flp. 2:13; Ibr. 13:21; Ef. 1:5, 9, 11; 5:17; Kol. 1:9; Roma 12:2; Wahi 4:11:

1. Jika kita melihat visi ini, ia akan merevolusikan konsep kita tentang makna menjadi orang Kristian—Kis. 26:19; Roma 12:7-8; 2 Kor. 5:14-15; Ef. 3:16-17.
2. Konsep alamiah, agama, budaya, moral, dan etika kita berkenaan kehidupan orang Kristian perlu digantikan dengan visi yang mempunyai penglibatan penuh Tuhan Tritunggal—Mat. 28:19; 2 Kor. 13:14; Ef. 4:4-6; Wahi 1:4-7.